

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

TARIKH : 17 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari (Setiawangsa) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengawal selia dan menetapkan kuota untuk menunaikan Umrah kepada setiap agensi pelancongan sebagai salah satu langkah mengatasi kes-kes penipuan pakej Umrah yang kerap kali berlaku sejak kebelakangan ini yang didalangi *travel agency*.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan jemaah Umrah adalah bergantung kepada kebenaran dan pengeluaran visa yang dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Arab Saudi melalui kedutaannya. Kelulusan

visa tersebut diberi terus kepada syarikat/agensi pelancongan yang menguruskan pakej umrah. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang menetapkan bilangan/kuota untuk menunaikan Umrah kepada setiap agensi pelancongan.

Dimaklumkan juga bahawa agensi pelancongan yang menawarkan pakej-pakej Umrah pada masa ini adalah **dikawal selia oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.** Antara lain, Akta berkenaan memperuntukkan bahawa agensi yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan boleh dikenakan tindakan sama ada berbentuk kompaun, penarikan balik lesen, penalti mahupun tindakan mahkamah.

Selain itu, jemaah Umrah yang ditipu juga **boleh membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan** untuk mendapat gantirugi daripada agensi pelancongan/pengendali umrah yang berkenaan. Jemaah Umrah juga boleh **melaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia** supaya kes disiasat di bawah Kanun Kesiksaan.

Sekian, terima kasih.